

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN  
[KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan objektif dan fungsi penubuhan sekretariat bersama antara JAKIM dan HDC dalam industri halal.

**JAWAPAN: (YB PUAN HAJJAH FUZIAH SALLEH, TIMBALAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada Februari 2016 telah bersetuju dengan penubuhan Majlis Halal Malaysia (MHM) yang diurusetikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Halal Industry Development Corporation (HDC) dan Jabatan Standard Malaysia (JSM). Ianya bertujuan sebagai platform penyelarasan tadbir urus inisiatif halal di Malaysia.

2. Pada 18 September 2019 yang lalu Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya struktur tadbir urus Majlis Halal Malaysia (MHM) dijenamakan semula kepada Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH) dengan mengekalkan keahlian sedia ada dan diurusetikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi melalui *Halal Industri Development Corporation* (HDC).

3. Sehubungan itu, dalam struktur baharu ini, JAKIM diberi peranan menguruskan dan menyelaraskan Hal Ehwal Pensijilan Halal yang melibatkan:

- i. Pensijilan halal dalam dan luar negara;
- ii. Regulatori halal;
- iii. Akreditasi halal; dan
- iv. Latihan dan bajet pembangunan kapasiti pensijilan halal.

Sekian, terima kasih.